

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 JANUARI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9

Isu ayam, telur: Kerajaan perlu ada kuasa kawal industri secara total

Isu ayam, telur: Kerajaan perlu ada kuasa kawal industri secara total

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Langkah menurunkan harga siling ayam tidak membantu membaik pulih industri ternakan secara menyeluruh, sebaliknya bersifat sementara.

Malah, ia akan memberi kesan buruk kepada pemain industri ternakan peringkat hiliran termasuk pemborong dan peruncit kecil-kecilan.

Sumber industri ternakan ayam yang dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, tindakan mengkaji dan menurunkan harga ayam hanya melibatkan sektor hiliran industri, namun tidak merungkai masalah peringkat huluan ekoran kegagalan menyebabkan lembaga khusus untuk mengawal industri ayam dan telur secara menyeluruh.

Kata sumber, ini jelas dilihat

apabila kerajaan masih tiada mekanisme khusus untuk menyelia bekalan serta harga induk ayam *grand parent stock* (GPS), anak ayam *day old chick* (DOC), makanan ayam serta ubatan.

"Apa halatuju kerajaan sebenarnya? Di pihak pengguna, kita cuma membeli apa ditawarkan pasaran. Tetapi isunya sekarang, kalau sebagai penjuru di peringkat runcit, mestilah mereka menyeru supaya harga ayam dan telur diapungkan. Tapi, adalah ini menyelesaikan masalah ayam dan telur?

"Jika diturunkan harga ayam di peringkat runcit juga, adakah ini menyelesaikan masalah, sedangkan harga ayam di pasaran sebenarnya ditentukan oleh dua faktor utama iaitu makanan ayam dan harga anak ayam DOC. Ini membatik pemain industri peringkat huluan, bukannya hiliran. Adakah kerajaan boleh

kawal bekalan dan harganya? Sudah tentu tidak.

"Soalnya, dengan menurunkan harga di peringkat hiliran iaitu peringkat runcit, tapi gagal menyelia dan mengawal dengan undang-undang yang lengkap dalam soal bekalan GPS, makanan serta DOC di peringkat huluan, isu ayam dan telur akan sentiasa berterusan," kata sumber.

Jumaat lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan kerajaan sedia mengkaji semula harga siling ayam di peringkat runcit ekoran bekalan dikatakan sudah pulih.

Sumber berkata, bukti jelas kerajaan gagal mengawal harga anak ayam DOC apabila harga bekalan itu turun naik secara drastik seolah-olah ditentukan kartel dari kerajaan tiada kuasa mengawalnya.

"Saya merujuk kepada laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bertajuk *Harga*

Daging Ayam 2020. Setakat ini, difahamkan laporan terkini DVS adalah pada 2020. Dalam laporan itu, jelas menunjukkan pada Mei 2020, harga anak ayam DOC cuma 80 sen seekor. Tapi pada Julai 2020, harganya melambung RM2.50 seekor.

"Soalnya, siapakah yang menentukan harga anak ayam tersebut? Bukan kerajaan, sebab harganya ditentukan oleh persatuan ternakan. Buktiinya? Boleh rujuk laman sesawang Kementerian Pertanian dan Kejurimaninan Makanan (MAFS).

"MAFS mencatatkan nota bahawa harga ladang yang diperoleh bersumberkan daripada sebuah persatuan ternakan. Adakah kerajaan dikawal kartel, sampai harga peringkat ladang pun ditentukan kartel dan bukannya kerajaan?" soalnya.

Utusan Malaysia difahamkan, kali terakhir MAFS menge-

maskini harga ayam dan anak ayam adalah 2020, dan laporan itu diakses di laman sesawang <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/2951>.

Sementara itu, sata sumber penternak wilayah tengah pulih meluahkan bimbang terhadap kenyataan kerajaan untuk mengkaji semula harga siling ayam di peringkat runcit.

"Sudahlah import ayam dibuka seluas-luasnya, sekarang import telur pula. Lagi membimbangkan apabila ada negeri berbeza mahu import telur dari negara lain pula selain India.

"Kami penternak ini, mahu berundur (gulung tikar) pun tidak boleh, mahu meluaskan operasi pun tidak mampu. Apabila kerajaan mengumumkan dasar sebegini, lagilah parah. Industri jadi tak tentu hala sebab pembiagaan telur dan ayam di peringkat domestik terganggu," kata sumber. ▲